

IPMB Menerima Lawatan Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir

Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjadi lebih berdaya-saing sekiranya ia dapat menghasilkan makanan ikannya (*fish feed*) sendiri, kata mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, ini dapat mengurangkan penggantungan kepada makanan ikan import dan sekaligus mengurangkan kos yang ditanggung oleh IPMB.

Tun Dr. Mahathir dan isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Hj. Mohd. Ali telah melawat IPMB pada 30 Mac 2005 selepas beliau merasmikan penutupan Persidangan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Antarabangsa pada hari sebelumnya di Kota Kinabalu.

Menurut Tun Dr. Mahathir lagi, IPMB juga mampu membantu masyarakat di negeri Sabah melalui hasil-hasil penyelidikannya dalam bidang akuakultur.

"Bidang akuakultur merupakan sebuah bidang yang penting kerana ikan merupakan satu *resource* (sumber) makanan yang mesti dijaga *sustainability*nya," kata beliau.

Beliau juga berpuas hati dengan prestasi IPMB yang telah mencapai taraf dunia dalam bidang ini dan berharap lebih banyak lagi hasil penyelidikan dapat didiseminaskan kepada masyarakat antarabangsa, tambahnya.

Turut mengiringi Tun Dr. Mahathir ialah Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Hj. Yahya Hussin.

Sebelum itu, Tun Dr. Mahathir dan isterinya tiba di jeti IPMB dengan menaiki bot UMS Galaxeia yang berlepas daripada jeti Sutera Harbour. Beliau kemudian balik ke jeti Sutera Harbour dengan menaiki bot yang sama.

Di IPMB, mereka telah diberi taklimat oleh penasihat IPMB, Prof. Dr. Ridzwan Abdul Rahman, sebelum mereka diiringi Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin dan Pengarah IPMB, Prof. Dr. Saleem Mustafa melawat tapak hatcheri ikan.

Di sana, mereka ditunjukkan oleh pelajar-pelajar IPMB cara-cara mengeluarkan telur ikan daripada perutnya untuk tujuan pembiakan serta pelbagai spesis ikan yang ada.



Tun Dr. Mahathir ditunjukkan cara-cara mengurangkan ketajaman gigi seekor ikan yang dikatakan boleh mengigit dan mencederakan ikan-ikan lain.



Tun Dr. Mahathir (tengah) dan Tun Dr. Siti Hasmah (kiri) bergambar dengan para pelajar IPMB.